

TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ
BIN HAJI NIK MAT:
ULAMA, AHLI POLITIK DAN PENTADBIR
1967-2004

WAN HASNI BIN WAN AHMAD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2011

**TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT:
ULAMA, AHLI POLITIK DAN PENTADBIR
1967-2004.**

Oleh

WAN HASNI BIN WAN AHMAD

**Tesis ini diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera.**

JAN 2011.

PENGAKUAN.

Saya akui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ringkasan dan nukilan yang tiap-tiap satunya telah saya perelaskan sumbernya.

**WAN HASNI BIN WAN AHMAD.
(S – OM0017/05(R)).**

14 JANUARI 2011

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya saya diberi peluang dan keberkatan untuk menyelesaikan penyelidikan ini untuk satu tempoh yang telah ditetapkan. Ucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga, khas kepada Profesor Madya Dr. Mohd Isa bin Othman selaku penyelia utama yang telah banyak meluangkan masa, memberikan tunjuk ajar serta semangat juang yang tinggi serta pandangan yang berguna setiap kali sesi perjumpaan diadakan.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat, Menteri Besar Kelantan yang sudi memberikan ruang dan waktunya untuk ditemuramah di masjid Pulau Melaka terutamanya selepas solat Asar. Penghargaan juga diberikan kepada Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan, En. Anual Bakhri bin Haron yang banyak membantu dalam usaha untuk menyiapkan tesis ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada, Dr. Azmah binti Manaf, selaku penyelia bersama, yang telah menyumbangkan buah fikiran bagi melengkapkan lagi penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada Profesor Madya Dr. Ahmad Jelani B. Halimi dan semua staf akademik Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, yang telah membantu memberikan semangat dan motivasi untuk terus berjaya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga untuk semua kakitangan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM dan IPS yang banyak membantu mempermudah segala urusan.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada isteri tersayang Tuan Hashnani binti Tuan Pa dan anak-anak yang menjadi sumber inspirasi utama. Semoga kejayaan ini akan menjadi dorongan buat kalian. Buat individu-individu yang ditemuramah dan rakan-rakan seperjuangan yang telah membakar semangat untuk terus berjaya, terima kasih atas bantuan kalian. Terima kasih.

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SUSUNAN KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI SINGKATAN	xiv
ABSTRAK	xvi
<i>ABSTRACT</i>	xvii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Pengertian Politik	1
1.1.2 Pengertian Sejarah	3
1.1.2.1 Pengertian Sejarah Politik	5
1.1.3 Takrifan <i>Ulama</i>	5
1.2 Objektif Kajian	7
1.3 Kepentingan Kajian	9
1.4 Sumber Kajian	10
1.5 Permasalahan Kajian	13
1.6 Kajian Terdahulu	14

BAB 2: KERAJAAN JEMBAL DAN TUAN GURU DATO' HJ. NIK ABDUL AZIZ

2.1	Kerajaan Jembal	20
2.1.1	Pendidikan Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz	31

BAB 3: KEGIATAN POLITIK TUAN GURU DATO' HJ. NIK ABDUL AZIZ

3.1	Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Menyertai Politik PAS	36
3.1.1	Kegiatan Politik Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz di Kelantan sebelum Pilihan Raya Umum 1990	39
3.1.2	Senario Politik Kelantan 1955-2004	62
3.2	Faktor Kemenangan Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Dalam Pilihan Raya di Kelantan.	67
3.2.1	Personaliti Tuan Guru	68
3.2.2	Kebijaksanaan Dalam Pentadbiran	71
3.2.3	Lain-lain Faktor Kemenangan	72

BAB 4: PENTADBIRAN NEGERI DAN PEMBAHARUAN TUAN GURU DATO' HJ. NIK ABDUL AZIZ

4.1	Organisasi Pentadbiran Peringkat Negeri	82
4.1.1	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	89
4.2	Pembaharuan Dalam Pentadbiran Mengikut Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Selaras Dengan Islam.	91
4.2.1	Pembaharuan Sosial	95
4.2.1.1	Budaya Masyarakat Kelantan	96

4.2.1.2	Agama Islam	112
4.2.1.3.	Pendidikan	118
4.2.2	Politik	123
4.2.3	Ekonomi	130
4.2.3.1	Pertanian	137

BAB 5: RETORIK TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ

5.1.	Nasionalisme Melayu (<i>Assabiyyah</i>)	144
5.2	Islam Hanya Satu	146
5.3.	Politik Wang	148
5.4	Kegagalan Kaum Melayu	150
5.5.	Politik dan Agama	153
5.6	Kebaikan Wanita – Rumah Itu Tempat Wanita.	156
5.7	Tuhan Samseng	160
5.8	Tuhan Mencarut	162
5.9	Mengundi PAS Masuk Syurga	164

BAB 6:	KESIMPULAN	168
---------------	-------------------	-----

SENARAI JADUAL

Muka Surat.

JADUAL 1: Salasilah Kerabat Diraja Jembal dan Hubungan dengan Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz B. Haji Nik Mat.	27
JADUAL 2: Sambungan daripada Carta 1, Kerabat Diraja Kelantan yang bermula daripada Long Yunus (1762).	28
JADUAL 3:. Keputusan Pilihan Raya Umum 1969 Kawasan Parlimen Kelantan Hilir.	41
JADUAL 3.1: Keputusan Pilihan Raya Umum 1969 Negeri Kelantan.	42
JADUAL 4 : Keputusan Pilihan Raya Umum 1974 Bagi Parlimen Pengkalan Chepa.	44
JADUAL 4.1: Keputusan Pilihan Raya Umum 1974 Negeri Kelantan.	45
JADUAL 5: Keputusan Pilihan Raya Umum 1978 Kawasan Parlimen Pengkalan Chepa.	49
JADUAL 5.1: Keputusan Pilihan Raya Umum 1978 di Kelantan 1978.	50
JADUAL 6: Keputusan Pilihan Raya Umum 1982 Kawasan Parlimen Pengkalan Chepa.	51
JADUAL 6.1: Keputusan Pilihan Raya Umum 1982 Negeri Kelantan	52
JADUAL 7:. Keputusan Pilihan Raya Umum 1986 Bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri Semut Api.	55
JADUAL 7.1: Keputusan Pilihan Raya Umum 1986 Kawasan Parlimen Bachok.	56
JADUAL 8: Keputusan Pilihan Raya Umum 1990 Kawasan Dewan Undangan Negeri Semut Api	60
JADUAL 8.1: Keputusan Pilihan Raya Umum 1990 di Kelantan.	61
JADUAL 9: Organisasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan tahun 2004.	83

JADUAL 10: Kerajaan Negeri Kelantan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Tahun 2004.	84
JADUAL11: Ahli Exco Kelantan tahun 2004.	85
JADUAL 12: Ahli Ex-Officio Negeri Kelantan Tahun 2004.	86
JADUAL 13: Carta Organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.	88
JADUAL 14: Carta Organisasi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri.	90

SENARAI LAMPIRAN.

		Muka Surat.
1	Lampiran 1 -	Gambar Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz B. Haji Nik Mat. 199
	a.	Lawatan Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz B. Haji Nik Mat di Perkampungan Masyarakat Siam. 200
	b.	Rumah Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz B. Haji Nik Mat 201
	c.	Sekolah Agama Darul Anwar Pulau Melaka. 202
	d.	Pembinaan Pasar Moden Wakaf Che Yeh. 203
	e.	Lambang Islam di Bumbung Bangunan yang di Bina di Sekitar Bandar Kota Bharu Bandaraya Islam. 204
	f.	Gambar Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Sewaktu Menjadi Guru Agama di Sekolah Maahad Muhammadi Tahun 1967. 205
	g.	Senarai Nama Guru-Guru yang Mengajar di Sekolah Agama Maahad Muhammadi Tahun 1979-1996. 206
	h.	Gambar Tokoh Guru Sekolah Maahad Muhammadi Dari Tahun 1993-1996. 207
	i.	Surat Pengiktirafan Sijil yang Di Keluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Sijil Agama oleh Kerajaan Negeri. 208

	j.	Surat Pengiktirafan Dari Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan.	209
	k.	Surat Pengiktirafan Dari Universiti Madinah Munawwarah .	210
	l.	Surat Pengiktirafan Dari Kerajaan Arab Saudi ke Atas Sijil Tinggi Agama (STU) Sek. Agama Rakyat Kelantan.	211
3.	Lampiran II -	Salasilah Kerabat Diraja Jembal Kelantan dan Hubungan dengan Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz.	212.
5.	Lampiran III -	Senarai Nama Presiden PAS dari Tahun 1951 hingga 2008.	213
6.	Lampiran IV -	Senarai Kampung Termiskin di Kelantan.	214
7.	Lampiran V -	Senarai Pengagihan Peruntukan P.P.R.T. 1995.	216
8.	Pekeliling Kerajaan Negeri Kelantan;		
		Surat Pekeliling Kerajaan Negeri Bil. 10 Tahun 2000 <i>Panduan Pengurusan Personel Untuk Agensi Awam yang Akan Di Swastakan.</i>	218
		Surat Pekeliling Kerajaan Negeri Kelantan Bil. 8 Tahun 2002 <i>Pemilikan Dan Perisytiharan Harta Oleh Pegawai Awam Peraturan 10 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Kelantan (Kelakuan Dan Tatatertib)1996</i>	219
		Surat Pekeliling Kerajaan Negeri Bil. 11, Tahun 2000 <i>Panduan Perlantikan Secara Pinjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap.</i>	220

Surat Pekeliling Kerajaan Negeri
Bil. 2, Tahun 2001.
Penggunaan Tulisan Jawi. 221

Surat Pekeliling Kerajaan Negeri
Bil. 10, Tahun 2002
Imbuan Tahunan 2002 222

Surat Pekeliling Kerajaan Negeri
Bil. 5, Tahun 2003.
***Garis Panduan Persembahan
Wayang Kulit*** 223

Surat Pekeliling Kerajaan Negeri
Bil. 4, Tahun 2003
Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003 226

Surat Pekeliling Kerajaan Negeri
Bil. 3/2004, Tahun 2004
***Dasar Baru Industri Batu Marmar
Di Negeri Kelantan*** 230

Surat Pekeliling Kerajaan Negeri
Bil. 1, Tahun 2004
***Panel Penasihat Tatatertib Pegawai
Awam Negeri Kelantan*** 233

Surat Pekeliling Kerajaan Negeri
Bil. 2, Tahun 2004
***Penguatkuasaan Pemakaian Peruntukan
Undang-Undang Kecil Bangunan
Seragam 1986, Bagi Kawasan-Kawasan
Di Luar Pihak Berkuasa Tempatan*** 237

9 Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia;

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1999
Kementerian Pelajaran. Malaysia
***Larangan Penglibatan Pegawai
Perkhidmatan Pendidikan,
Staf Sokongan dan Murid
Dalam Kegiatan Politik.*** 243

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/200
Kementerian Pelajaran Malaysia
***Salah Laku Memasukkan Unsur
Politik Dalam Soalan
Peperiksaan / Ujian di Sekolah
dan Perbuatan Menghasut / Meracuni
Fikiran Pelajar Membenci Kerajaan.*** 245

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2002
Kementerian Pelajaran Malaysia
***Perlaksanaan Pengajaran Sains
dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris.*** 248

SENARAI SINGKATAN

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri.
AJK/JK	-	Ahli Jawatan Kuasa/Jawatan Kuasa.
APU	-	Angkatan Perpaduan Ummah.
BERJASA	-	Barisan Jemaah Islamiah SeMalaya
BA	-	Barisan Alternatif.
Bil	-	Bilangan.
BN	-	Barisan Nasional
BPR	-	Badan Pencegah Rasuah.
CCC	-	Chinese Consultative Council.
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru.
DPN	-	Dasar Pembangunan Negara.
DYMM	-	Duli Yang Maha Mulia.
Dr.	-	Doktor.
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka.
ed.	-	Edisi
En.	-	Encik.
HAMIM	-	Parti Hizbul Muslimin SeMalaysia.
Hlm	-	Halaman.
ISA	-	Akta Keselamatan Dalam Negeri
Jld.	-	Jilid.
YAKIN	-	Yayasan Islam Kelantan
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam.

IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta.
MAIK	-	Majlis Agama Islam Kelantan.
MCA	-	Malaysia Chinese Association
MIC	-	Malaysia Indian Congress
MT	-	Majlis Tertinggi
PAS	-	Parti Islam SeMalaysia.
PhD	-	Doktor Falsafah.
PKR/PR	-	Parti Pakatan Rakyat/Pakatan Rakyat.
PEKIDA	-	Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah SeMalaysia
MPKB BRI	-	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam.
UDA	-	Urban Development Authority
S46	-	SEMANGAT 46.
SPN	-	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri.
SPR	-	Suruhanjaya Pilihan Raya.
Terj.	-	Terjemahan.
Th.	-	Tahun

ABSTRAK

Tesis ini memfokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Mat, seorang tokoh agama, pentadbir dan ahli politik di negeri Kelantan. Kerjaya politik Tuan Guru bermula apabila beliau memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Pengkalan Chepa, pada tahun 1967 di atas tiket PAS. Pada ketika itu Kelantan dikuasai oleh parti Barisan Nasional. Beliau bersama pemimpin PAS yang lain telah berusaha untuk menawan Kelantan daripada parti Barisan Nasional.

Tuan Guru, merupakan nama besar di Kelantan, terutama selepas PAS berjaya menewaskan parti Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum 1990. Berikutan itu perlantikan Tuan Guru sebagai Menteri Besar Kelantan. Beliau berjaya membuktikan kepada masyarakat bahawa, seorang tokoh agama yang bergelar 'Tok Guru' juga mampu menjadi seorang pemimpin politik yang berkaliber. Beliau kemudian telah membuat beberapa perubahan dalam pentadbiran politik yang merangkumi aspek ekonomi, sosial dan politik selaras dengan slogan, *Membangun Bersama Islam*.

Analisis turut dilakukan ke atas penyokong-penyokong PAS Kelantan yang terdiri daripada pelbagai golongan seperti golongan agama, masyarakat biasa serta golongan bukan Melayu. Kajian dilakukan juga ke atas retorik Retorik Tuan Guru. seringkali mendapat perhatian masyarakat. dan media massa. Terdapat juga beberapa isu yang datang daripada pemikiran beliau tetapi telah dipolitikkan, sedangkan pendapat beliau itu adalah selaras dengan pemikiran Islam. Oleh hal demikian Tuan Guru berjaya mendapat sokongan majoriti rakyatnya untuk terus mentadbir negeri Kelantan.

ABSTRACT

The thesis focuses on the roles that is played by Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Mat, a prominent religious figure, administrator and politician in the state of Kelantan. His political career began when he won an election in the state legislative seat representing PAS for Pengkalan Chepa in 1967. At that time, Kelantan was ruled by Barisan Nasional. Together with other PAS leaders, worked hard towards capturing Kelantan from Barisan Nasional.

Tuan Guru was a famous name in Kelantan, especially after PAS defeated Barisan Nasional in the 1990 election. He was then appointed to be the Chief Minister for Kelantan. He was successful in proving to society that a religious figure with the title "Tok Guru," could also become a political leader of high calibre. He then made some changes in state administration that involved the economic, social and politics in line with the slogan *Membangun Bersama Islam*.

Analysis were also done on supporters of PAS in Kelantan who comprised of different groups such as religious, layman and non- Malay groups. A research was also done on the rhetoric of Tuan Guru. His rhetoric, and views often got the attention of society. There were a few issues that came from his thoughts that were purposely politicise, when in fact, his opinion were in line with Islamic thought. Then Tuan Guru had successfully gained the support of majority society to carry out the administration.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penglibatan Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz dalam politik secara aktif bermula tahun 1967¹ sebagai calon pilihan raya kecil, kawasan Parlimen Kelantan Hilir. Sebelum itu beliau bertugas sebagai pendakwah dan guru agama di Sekolah Agama Maahad Muhammadi, Kota Bharu.² Pada tahun 1990 Tuan Guru dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan setelah PAS berjaya menewaskan Barisan Nasional. Kehadiran Tuan Guru dalam Parti Islam SeMalaysia (PAS), membuktikan golongan agama juga mampu bersaing dengan tokoh-tokoh politik lain di negara ini. Beliau percaya, bidang politik adalah bidang yang paling penting serta harus diberi tumpuan kerana ia berkaitan dengan pemerintahan dan kuasa. Kuasa boleh mencorakkan sesuatu dasar. Jika kuasa tidak dilaksanakan dengan betul, amanah dan mandat yang diberikan oleh rakyat akan membawa kepada penyalahgunaan kuasa.

1.1.1 Pengertian Politik

Asal perkataan politik ialah daripada Bahasa Yunani *politikos* atau Bahasa Latin *politica*, dalam Bahasa Perancis ditulis *politique*, dan dalam Bahasa Belanda ditulis *politiek*. Asal katanya ialah daripada perkataan *polis* yang membawa

¹Yahaya Ismail, 2001. *Perayaan Jubli Emas 50 Tahun PAS: Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Kepimpinan Ulama Dalam Politik Nasional*, Selangor: Usaha Teguh Sdn. Bhd., hlm. 3.

²Muhammad Yunan Mahmood, 1997. *Sejarah Maahad Muhammadi 1937 - 1997*, Pengkalan Chepa: Persatuan Murid Tua, Sekolah Menengah Maahad Muhammadi Lelaki, Kota Bharu, hlm. 277. Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Mat mula bertugas di sekolah ini 1 Jan 1964 hingga 21 Sept 1967.

pengertian ‘Negara Kota.’³ *Polis* juga membawa erti kemajuan.⁴ Ustaz Abdul Basir Alias dalam bukunya,⁵ memetik pandangan Teuku Iskandar mendefinisikan politik sebagai ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan pemerintahan seperti dasar pemerintahan yang meliputi ilmu siasah, kenegaraan, parti politik, ahli politik dan juga tipu muslihat.⁶

Politik Islam pula bersumberkan al-Quran dan hadis. Mengikut politik Islam, agama dan politik tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana Islam menjelaskan semua kegiatan yang bersifat keduniaan ataupun yang bersifat kebendaan terdapat di dalamnya asas dan nilai-nilai kerohanian.⁷ *Ulama* Islam zaman silam telah menggabungkan antara wahyu dan akal manusia dalam pentadbiran.⁸ Namun begitu sejarah penglibatan *ulama* dalam politik tanah air dapat diperhatikan pada tahap yang berbeza-beza dan bergantung kepada perkembangan semasa. Pada zaman penjajahan Inggeris, penentangan *ulama* secara aktif terhadap penjajah dapat dilihat dalam kes “Tok Janggut”⁹ di Pasir Puteh pada tahun 1915,¹⁰

³Abdul Rashid Moten, 1995. *Political Science: An Islamic Perspective*, London: Macmillan Press Ltd, hlm. 6.

⁴Haji Zainal Abidin Ahmad, 1977. *Ilmu Politik Islam*, Jld. 1. Jakarta: Bulan Bintang, hlm. 1.

⁵Ustaz Abdul Basir Alias, 2002. *Ancaman Nasionalis Sekular Ekstrim di Malaysia*, Selangor: As-Syabab Media, hlm. 1.

⁶*Ibid.*, hlm. 1.

⁷Lukman Thaib, 1998. *Politik Menurut Perspektif Islam*, Malaysia: Synergymate SDN. BHD., hlm. 3.

⁸Dasar-Dasar Kerajaan Negeri Kelantan Jilid 1, 2005. *Membangun Bersama Islam Perundangan Dan Kehakiman*, Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, Kompleks Kota Darulnaim, hlm. 4.

⁹Rahimah Harun, 1977. *Riwayat Hidup Tok Janggut dan Peperangannya di Kelantan: Suatu Penelitian Persejarahan*, latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Melayu.

dan Hj. Abdul Rahman Limbong di Kuala Trengganu.¹¹ Di samping itu golongan *ulama* juga meneruskan perjuangan menyebarkan seruan dakwah Islamiah serta semangat bencikan penjajah melalui institusi pondok tradisional yang wujud ketika itu.¹²

1.1.2 Pengertian Sejarah

Perkataan sejarah (*History*) berasal daripada perkataan Arab iaitu *syajaratun* yang bermaksud "pohon." Sudut pandangan lain pula menjelaskan sejarah bererti terjemahan daripada perkataan Yunani iaitu *histories* bermakna satu penyelidikan ataupun pengkajian.¹³ Mengikut pandangan Herodotus, sejarah ialah suatu kajian yang menceritakan kitaran jatuh bangunnya seseorang tokoh, masyarakat dan peradaban.¹⁴ Aristotle pula menjelaskan sejarah merupakan peristiwa masa lalu yang mempunyai catatan, rekod-rekod atau bukti-bukti yang kukuh,¹⁵ dan suatu sistem kejadian semulajadi yang tersusun dalam bentuk kronologi.

¹⁰Nik Anuar Nik Mahmud, 1999. *Tok Janggut Pejuang atau Penderhaka*, Bangi Selangor: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹¹*Ibid*, hlm. 126 hingga 128.

¹²Riduan Mohamad Nor dan Wan Abdul Rahman, Wan Abdul Latif Rossem, 2008. *Saat Cinta Bertasbih Tribut Untuk Tuan Guru*, Kuala Lumpur: Jundi Resources, hlm. 87. Sekolah pondok yang telah ditukar menjadi Sekolah Agama Rakyat seperti Pondok Tok Ayah Kedah di Pancor, Pengkalan Chepa ditukar menjadi Sekolah Menengah Agama (Arab) Tarbiah Mardiah, Pondok Ayah Mat Beris, Bachok ditukar menjadi Sekolah Menengah Agama (Arab) Muhammadiyah. Terdapat juga beberapa pondok yang masih mengekalkan tradisi lamanya seperti Pondok Lubuk Tapah, di Pasir Mas. Pondok Pasir Tumbuh di Kota Bharu, Pondok Sungai Durian di Kuala Krai.

¹³Muhd. Yusof Ibrahim, 1986. *Pengertian Sejarah, Beberapa Perbahasan Mengenai Teori dan Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 6.

¹⁴R. Suntralingam, 1985. *Pengenalan Kepada Sejarah*, Kuala Lumpur: Merican and Sons., Sdn. Bhd., hlm. 58.

¹⁵*Ibid*.

R. G. Collingwood, mendefinisikan sejarah ialah suatu penyelidikan atau penyiasatan tentang perkara-perkara yang telah dilakukan oleh manusia pada masa lampau.¹⁶ Sementara itu, Drs. Sidi Gazalba seorang sejarawan Indonesia menggambarkan, sejarah merupakan masa lampau manusia, dalam persekitarannya yang disusun secara ilmiah, lengkap meliputi urutan fakta dan masa. Menurut beliau lagi sejarah juga memberikkan tafsiran, penjelasan, pengertian dan kefahaman tentang apa yang berlaku.¹⁷

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka telah memberikan maksud sejarah sebagai asal-usul, keturunan, salasilah dan peristiwa yang benar-benar berlaku pada zaman lampau.¹⁸ Sejarah dalam erti kata lain digunakan untuk mengetahui masa lampau berdasarkan fakta-fakta dan bukti-bukti yang sahih. Pengertian sejarah boleh dilihat daripada tiga dimensi iaitu *epistemologi* (kata akar), *metodologi* (kaedah sesuatu sejarah itu dipaparkan) dan *filsafat* (pemikiran peristiwa lalu) yang dianalisa secara teliti untuk untuk membuktikan kesahihannya.¹⁹ Melalui pembelajaran sejarah kita juga dapat membentuk sikap manusia terhadap permasalahan yang dihadapi agar peristiwa-peristiwa yang berlaku pada masa lampau dapat dijadikan pengajaran.

¹⁶R.G. Collingwood (Terjemahan Muhd. Yusuf Ibrahim), 1980. *Idea Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 2.

¹⁷Drs. Sidi Gazalba. 1966. *Pengantar Sejarah Sebagai Ilmu*, Djakarta: Bharata, hlm. 2.

¹⁸Dr. Teuku Iskandar, 1996. *Kamus Dewan Edisi Kedua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1040.

¹⁹R.G. Collingwood, *op. cit.*, hlm. 39.

1.1.2.1 Pengertian Sejarah Politik

Sejarah politik pula bermaksud sejarah pemerintahan yang berasaskan hak dan kuasa negara, mempunyai hubungan erat antara gagasan negara dan gagasan bangsa.²⁰ Ia merangkumi kemunculan negara, perubahan corak pemerintahan, kuasa politik, keluasan wilayah dan peraturan perlembagaan serta pergerakan nasionalisme ke arah pembentukan negara-bangsa.²¹ Sejarah politik melibatkan kajian tentang krisis yang tercetus akibat pergolakan politik selepas merdeka dan kesan yang berlaku akibat daripadanya.²² Secara umumnya, sejarah politik berkaitan dengan analisis peristiwa-peristiwa politik, idea, gerakan, dan para pemimpinnya yang disusun berdasarkan negara bangsa. Sejarah politik lebih menfokuskan kepada peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan negara-negara dan proses politik secara formal. Sejarah politik adalah gagasan tentang negara dan negara merupakan agen utama dalam perubahan sejarah.²³ Sejarah politik juga mempunyai hubungan dengan sejarah sosial, sejarah ekonomi dan sejarah ketenteraan.²⁴

1.1.3 Takrifan Ulama

Perkataan *ulama* dalam kata jamak bermaksud *alim*. *Alim* pula datang daripada kata dasar *ilm* bermakna ilmu. Ini bererti *ulama* adalah orang yang

²⁰Abdul Rahman Putra, 1984. *Contemporary Issues in Malaysian Politics*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, hlm. 33.

²¹Lowe Vincent, 1984. "Redefining the 'Constitutionality' of the Monarchy: the 1983 Constitutional Amendment Crisis in Malaysia," *Kajian Malaysia*, Vol. II, No.2.

²²Azmah Abdul Manaf, 2003. *Kemunculan Malaysia Moden*, Kuala Lumpur: USM dan Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

²³Tosh John, 1991. *The Pursuit of History*, USA: 2nd edition, London Group UK Limited, hlm. 74.

²⁴Pui Huen Lim, Patricia; James H. Morrison, Chong Guan Kwa, 2000. *Oral History in Southeast Asia: Theory and Method*, Institute of Southeast Asian Studies. ISBN 9812300279, 9789812300270.

berpengetahuan dalam ilmu-ilmu Islam seperti al-Quran, hadis, fekah dan sebagainya. Seorang *ulama* akan mengajar ilmu-ilmu keagamaan yang dimiliki kepada masyarakat setempat secara tradisional (seperti sistem pendidikan pondok) atau moden. *Ulama* dilihat oleh masyarakat sekitar sebagai seorang Islam yang warak dan komited dengan amalan-amalan Islam. Dalam hal ini *ulama* adalah contoh terbaik (*uswatun-hasanah*) kepada individu Islam dalam sesebuah masyarakat.

Rakyat melihat *ulama* sebagai wakil dan jurucakap apabila berdepan dengan kerajaan yang memerintah. *Ulama* memainkan peranan sebagai seorang hakim jika berlaku konflik yang tidak dapat diselesaikan dalam masyarakat. Hubungan erat antara *ulama* dan masyarakat sekitar telah melahirkan satu hubungan *patron-client*.²⁵ Perkara ini memperkukuhkan kedudukan *ulama* dalam masyarakat untuk dilantik sebagai pemimpin.²⁶ Terdapat dua kategori *ulama*, iaitu *ulama hujjah* dan *Ulama Mahjuj*.²⁷ *Ulama hujjah* ini sanggup mengenyahkan kepentingan peribadi, berkorban nyawa dan harta. Mereka seorang yang *alim*,²⁸ berani menyatakan yang benar dan salah tanpa mengira kedudukan. Kategori kedua *Ulama Mahjuj*, seorang yang *alim* dan mempunyai ilmu agama yang tinggi tetapi buruk akhlakunya, tamak kepada kebendaan serta tidak memanfaatkan ilmu agama yang mereka miliki.

²⁵Rahmat Saripan, 1979. *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm .8.

²⁶Wan Abdul Rahman Wan Abdul Latif, 2006. “Peranan Dan Penglibatan Ulama Dalam Politik, dalam Ann Wan Seng, *Respons Intelektual Muslim Isu-Isu Semasa*, Kuala Lumpur, hlm. 21.

²⁷Dr. Basri Ibrahim, 1997. *Ulama Pewaris Nabi: Sifat dan Akhlak Serta Peranannya*, Kuala Lumpur: Darul Nu’ Man, hlm. 9.

²⁸Hassan Muhammad Ali, 1997. *Kamus Seerti*, Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 2. Bermaksud warak atau bijaksana dalam perkara yang berkaitan dengan agama (Islam).

Ulama adalah pewaris nabi-nabi yang memainkan peranan penting menjaga kesucian ajaran Islam. *Ulama* telah menggerakkan entiti²⁹ khalifah Islamiah secara konsisten. Para *ulama* juga menentang kebangkitan kuasa-kuasa barat.³⁰ Walaupun kuasa barat berjaya menguasai dan mendominasi politik di negara-negara Islam (zaman penjajahan), akan tetapi semangat untuk memperjuangkan Islam tetap subur.³¹ *Ulama* tidak boleh menjauhkan diri dari arus perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Mereka harus mendefinisikan perubahan yang berlaku itu supaya sejajar dengan kehendak Islam dan fitrah kejadian manusia. Mengemukakan platform keadilan, kepimpinan *ulama* dapat menghakis sikap prejudis masyarakat bukan Islam. Keadilan adalah nilai yang diingini oleh semua, serta asas kepada sistem pentadbiran Islam. Ini adalah teras perjuangan *ulama*.³²

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini, untuk memperlihatkan sejarah perjuangan Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz bersama PAS (bersatu dengan parti APU³³) yang berjaya membentuk pentadbirannya di Kelantan.³⁴ Kajian bermula dengan sejarah Kerajaan Jembal, dan penglibatan rakyat Kelantan dalam Pilihan Raya Umum 1967 sehingga

²⁹*Kamus Oxford Fajar*, 2004. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd. hlm. 54. Entiti membawa maksud sesuatu yang wujud secara berasingan.

³⁰Muhammad Bakar, 1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, hlm. 40.

³¹Dr. Basri Ibrahim, *op. cit.*, hlm. 9.

³²*Ibid.*

³³Parti APU bermaksud Angkatan Perpaduan Ummah terdiri daripada PAS, Semangat 46, Hamim dan Berjasa.

³⁴Halim Mahmood, 1983. *Asri Dalam Dilema*, Kuala Lumpur, hlm. 11.

1990. Berdasarkan kajian ini, kita dapat mengetahui Tuan Guru berasal daripada sebuah keluarga *ulama*³⁵ berketurunan Kerabat Diraja Jembal dan bentuk pendidikan yang diterima oleh beliau.

Kita dapat mengetahui komitmen Tuan Guru yang tinggi terhadap parti, sehingga beliau dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan. Objektif kajian juga ialah untuk melihat bagaimana gaya kepimpinan³⁶ seorang *ulama* melalui beberapa pembaharuan dilakukan mengikut pemikiran beliau, yang cuba diselarikan dengan ajaran Islam.³⁷ Selain itu berdasarkan penyelidikan ini, kita dapat menilai tahap kesetiaan penyokong PAS, terdiri daripada pelbagai kaum dan peringkat usia. Pelbagai retorik politik telah digunakan oleh Tuan Guru bagi mendapatkan sokongan majoriti rakyat dalam beberapa pilihan raya umum yang telah dipertandingkan.³⁸ Oleh itu, adalah diharapkan hasil daripada kajian ini akan memberikan kefahaman

³⁵Jamal Mohd Lokman Sulaiman, 1999. *Biografi Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz B. Hj. Nik Mat Seorang Ulama dan Seorang Ahli Politik di Kelantan*, Sulfa Human Resources & Development, Selangor, hlm. 13.

³⁶Robiah K.Hamzah (Ph. D.), 1982. *Kepimpinan*, Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd., hlm. 1-20. Kepimpinan adalah kualiti tingkah laku individu ketika dia mengetuai aktiviti kumpulan untuk mencapai objektif organisasinya. Gelaran pemimpin adalah status yang diperolehi daripada masyarakat, kelompok sosial ataupun daripada rakan-rakan secara terpilih atau dilantik oleh ahli di sekelilingnya. Pemimpin dipilih berdasarkan kepada beberapa faktor, seperti tingkah laku dan peribadi pemimpin mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang unik. Contohnya sifat kepimpinan menonjol, dirinya mudah dibezakan daripada khalayak ramai, terutama dalam aspek kebolehan, tanggungjawab, dan status. Ada juga pemimpin yang dipilih kerana boleh dianggap sebagai “bapa” atau sumber ilham dalam kumpulan. kebiasaannya pemimpin jenis ini muncul pada masa-masa yang tertentu bagi menyelamatkan maruah pengikutnya. Pemimpin seperti ini sangat disanjung oleh pengikutnya.

³⁷*Kamus Dewan Edisi Baru*, 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 967. Kepimpinan bermaksud keupayaan memimpin melalui teladan.

³⁸Hj. Hassan Hj. Hamzah, 2004. *Almanak Keputusan Pilihanraya Umum Parlimen dan Dewan Undangan Negeri 1959-1999*, Selangor: Anzagain Sdn.Bhd, hlm 55.

tentang ketokohan, serta kebolehan seorang *ulama*, bukan hanya terhad kepada bidang keagamaan, akan tetapi juga mampu mentadbir sebuah kerajaan dengan baik.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana tidak banyak hasil kajian yang dilakukan mengenai Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz sebagai seorang *ulama*, ahli politik dan pentadbir antara tahun 1967 hingga 2004. Tokoh ini mempunyai cara kepimpinan yang tersendiri dan corak kepimpinan beliau berbeza dengan pemimpin-pemimpin parti politik di Malaysia. Pentingnya kajian ini kerana Tuan Guru³⁹ berasal daripada sebuah keluarga *ulama*, dan mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Kerabat Diraja Jembal.⁴⁰ Ayah beliau, Hj. Nik Mat merupakan seorang *ulama* yang terkenal di Pulau Melaka.⁴¹ Pentingnya kajian ini, kita dapat mengetahui pendidikan dalam bidang keagamaan telah memberikan kelebihan kepada Tuan Guru untuk mendapatkan sokongan padu daripada rakyat Kelantan sehingga beliau dilantik sebagai Menteri Besar setelah PAS berjaya menewaskan Barisan Nasional dalam

³⁹Lihat Lampiran II, *Carta Salasilah Keturunan Kerabat Raja Jembal Kelantan*, diperolehi daripada Tengku Hamzah: Bekas Setiausaha Kerabat Diraja Jembal Kelantan, tinggal di Kg. Jembal Kedai Lalat, Kota Bharu.

⁴⁰Rahmat Saripan, *op.cit.*, hlm. 7. Sejarah Kelantan pada abad ke 15, tidak banyak catatan mengenainya. Sejarah kegemilangan raja-raja ketika itu disebarkan secara lisan. Hanya peninggalan kota lama masih lagi wujud sebagai bukti. Pada zaman kegemilangan Kerajaan Jembal ini, terdapat dua orang raja perempuan yang terkenal iaitu Puteri Saadong dan Cik Siti Wan Kembang.

⁴¹Wawancara Hj. Tahir bin Ibrahim, 4 Jan. 2006. Berusia 69 tahun, jam 5.30 petang, tinggal di Taman Senang berhampiran dengan kampung Pulau Melaka, bertempat di Masjid Pulau Melaka. Beliau menjelaskan, "Hj. Nik Mat Seorang *Ulama* yang terkenal dengan memiliki sifat-sifat yang istimewa seperti berpendirian tegas, penyabar, penyayang, dan mempunyai sikap keperihatinan yang tinggi terhadap golongan miskin. Kecintaannya terhadap ilmu pengetahuan, tidak sombong untuk menaburkan jasa dan berbakti di bidang pendidikan. Ini terbukti dengan usaha gigih beliau telah berjaya menubuhkan Sekolah Agama Darul Anuar pada tahun 1962, di atas sebidang tanah yang telah diwakafkan. Objektif utama penubuhan sekolah ini adalah untuk memberikan pendidikan agama kepada anak-anak tempatan. Di awal penubuhannya, sekolah ini mengharap bantuan dan sumbangan dari penduduk kampung melalui pembayaran yuran yang berpatutan untuk menampung kos pembinaan, pembayaran gaji guru-guru, kos peralatan dan keperluan mengajar.

Pilihan Raya Umum 1990. Walaupun dilantik sebagai Menteri Besar, namun beliau masih meneruskan tugasnya sebagai seorang pendakwah.⁴²

Kajian ini penting kerana kita dapat melihat kebijaksanaan Tuan Guru dalam pentadbiran melalui pembaharuan yang dilakukan mengikut pemikiran beliau merangkumi bidang sosial, politik, dan ekonomi supaya selaras dengan tuntutan Islam. Beliau juga bijak menggunakan retorik politik bagi menarik pengundi. Hal yang demikian dapat memperlihatkan karisme seorang *ulama* dalam menerajui pentadbiran di peringkat negeri.

1.4 Sumber Kajian

Kajian dilakukan di perpustakaan USM, Perpustakaan Negeri di Kota Bharu, dan Perpustakaan Al-Zaharah yang terletak di Jalan Merican. Kajian juga dilakukan di Pejabat Menteri Besar Kelantan, Pejabat Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Perpustakaan Setiausaha Menteri Besar Kelantan, Pusat Penyelidikan PAS Negeri, Pusat Kajian Strategik PAS, dan Pejabat Penerangan Negeri di kompleks Kota Darulnaim serta Pusat Perhubungan PAS negeri di Kota Bharu. Sumber-sumber yang diperolehi sama ada sumber primer ataupun sekunder akan diperhalusi tentang kesahihannya untuk dipertanggungjawabkan.

Sumber primer yang penting termasuk Penyata Rasmi Dewan Undangan Negeri (catatan perbahasan di Dewan Undangan Negeri Kelantan), teks ucapan Tuan

⁴²Sentiasa memberikan ceramah agama setiap pagi Jumaat di tengah-tengah pusat bandar Kota Bharu, berhampiran dengan bangunan MARA.

Guru dalam Belanjawan Tahunan dari 1991 hingga 2004, laporan daripada institusi swasta, Kerajaan Negeri Kelantan, Kerajaan Pusat, Pekeliling Am Kerajaan Negeri Kelantan, Pekeliling Am Kerajaan Persekutuan, beberapa proses Pilihan Raya Umum di Kelantan. Kajian juga menggunakan sumber kedua seperti buku-buku, artikel, kertas kerja, makalah, majalah, tesis sarjana dan Ph. D..

Akhbar *Berita Harian, Utusan Malaysia, New Strait Times, Mingguan Wasillah, Watan, Buletin Rakyat, Siasah* menjadi sumber rujukan penting. Akhbar *Harakah* misalnya, merupakan lidah rasmi PAS untuk menyampaikan ideologinya kepada masyarakat Kelantan. Bagi melengkapkan lagi tesis ini, kajian turut dilakukan ke atas majalah baru dan lama yang memuatkan berita tentang tokoh-tokoh agama yang terlibat dalam politik. Majalah tersebut seperti *Dakwah*,⁴³ *Pengasuh*,⁴⁴ *Buletin Zakat*,⁴⁵ *The Edge* dan *Majalah i*.⁴⁶

Melalui sumber lisan pula, penulis menemubual secara langsung dengan tokoh yang dikaji (Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz) bertempat di Masjid Darul Anuar, Pulau Melaka. Ruang waktu yang sesuai untuk mengadakan temubual dengan tokoh ini, ialah selepas solat Asar. Temubual juga dilakukan terhadap keluarga, sahabat handai⁴⁷ beliau, serta kaum Kerabat Diraja Jembal.⁴⁸ Ini bertujuan untuk

⁴³Himpunan Majalah *Dakwah* dari tahun 1978 hingga 1980. *Yayasan Dakwah Islamiah Kelantan*, Kuala Lumpur: Evergreen Printing Press Sdn. Bhd., hlm 55.

⁴⁴*Majalah Pengasuh*, 2000. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).

⁴⁵*Majalah Buletin Zakat*, 2008. Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).

⁴⁶*Majalah i*, 2008, hlm. 12.

⁴⁷Hj. Tahir bin Ibrahim, *op. cit.*

mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang latar belakang keluarga tokoh yang dikaji. Temubual juga dilakukan dengan beberapa orang tokoh *ulama*, tokoh politik, dan masyarakat setempat yang mengenali beliau.⁴⁹

Pengkaji turut menghadiri ceramah-ceramah agama Tuan Guru pada tiap-tiap hari Jumaat di hadapan Bangunan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Kota Bharu, dalam usaha memahami bentuk pemikiran beliau, serta bagaimana cara beliau menyebarkan retorik politik melalui berdakwah. Ceramah Tuan Guru dalam bentuk keset atau VCD, dijual di pasaran terbuka di pusat bandar Kota Bharu,⁵⁰ juga digunakan sebagai rujukan sampingan. Pengkaji juga menghadiri ceramah-ceramah politik sama ada daripada pemimpin PAS, Barisan Nasional atau parti pembangkang yang lain sebagai sumber kajian dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Kajian juga dilakukan terhadap fail-fail PAS,⁵¹ manifesto PAS⁵² serta dokumen-dokumen awam seperti Belanjawan Negeri Kelantan tahun 1991 hingga 2004.⁵³ Namun begitu terdapat sedikit kesukaran untuk mendapatkan sumber rasmi kerajaan negeri. Ini adalah kerana dokumen tersebut masih dalam sekatan tertentu dan

⁴⁸Wawancara Tuan Pa bin Raja Abdullah, di Kampung Pendek, 3 Julai 2005. berusia 70 tahun (Ahli Persatuan Kerabat Diraja Jembal Kelantan).

⁴⁹YB. Tuan Hj. Mohd Amar bin Nik Abdullah, 2006. Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah.

⁵⁰Banyak dijual di hadapan bangunan MARA, Kota Bharu.

⁵¹Pejabat Pusat Kajian Strategik PAS Kelantan, 2004. Kota Bharu: Kota Darulnaim.

⁵²Pejabat Penerangan PAS di Kota Darulnaim, 2002. Kota Bharu: Kota Darulnaim. "Manifesto parti Membangun Bersama Islam dan Negara Kebajikan."

⁵³Annual Bakri Haron, 2004. *Koleksi Ucapan Rasmi II YAB. Dato' Hj. Nik Abdul Aziz, Menteri Besar Kelantan*, Kota Bharu: Dian Darulnaim, hlm 297.

belum mencapai had masa untuk disemak oleh para pengkaji (belum mencapai 25 tahun). Walau bagaimanapun pengkaji berpendapat kekurangan ini dapat diatasi dengan berkunjung ke perpustakaan Pejabat Menteri Besar Kelantan di Kota Darulnaim,⁵⁴ Kota Bharu untuk mendapatkan surat-surat penting kerajaan negeri, serta beberapa ucapan perasmian Tuan Guru di sesuatu majlis yang dihadirinya. Selain itu penulis juga merujuk kepada tulisan-tulisan berbentuk akademik dan popular yang boleh diperolehi di pasaran.⁵⁵

1.5 Permasalahan Kajian

Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz merupakan seorang *ulama* dan ahli politik yang disegani. Sejarah telah membuktikan pada zaman sebelum merdeka golongan agama hanya berpengaruh di sekitar istana dan mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat setempat. Namun begitu, selepas merdeka peranan golongan ini dilihat semakin penting (terutamanya dalam era pentadbiran politik PAS Kelantan yang bermula dari tahun 1990).⁵⁶ Permasalahan juga, adakah *ulama* ini benar-benar melibatkan diri dalam politik untuk membantu masyarakat ke arah kesejahteraan *ummah* ataupun untuk kepentingan peribadi.⁵⁷

⁵⁴Perpustakaan Pejabat Menteri Besar di Kota Darulnaim, Kampung Sirih, Kota Bharu.

⁵⁵Abdullah Al-Qari bin Hj. Salleh, 2001. *Detik-Detik Sejarah Hidup Tok Kenali*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, hlm. 56.

⁵⁶Abdul Halim Nasir, 1979. *Kelantan: Panduan Ke Tempat-Tempat Bersejarah*, Kuala Lumpur: Jabatan Muzium, hlm. 39. Dalam masa pemerintahan Sultan Muhammad IV negeri Kelantan telah memakai gelaran "Darul Na'im" yang bermaksud negeri makmur. Madrasah Muhammadiyah Arabiyyah dibuka pada 5 Ogos 1917. Sekolah ini telah mengeluarkan cerdik pandai yang terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi, pengarang-pengarang dan ulama-ulama.

⁵⁷Hj. Dusuki bin Hj. Ahmad, 1980. *Islam Di Malaysia Kebangkitan dan Masa Hadapan*, Kuala Lumpur: Adabi Sdn. Bhd., hlm. 150 - 156.

Selain itu permasalahan kajian ini untuk menilai bagaimana tahap kesetiaan dan penglibatan rakyat Kelantan dalam politik melalui beberapa siri pilihan raya umum sehingga tahun 2004. Begitu juga dengan pembaharuan-pembaharuan yang dilaksanakan oleh Tuan Guru, yang meliputi bidang ekonomi, sosial dan politik selaras dengan tuntutan agama Islam. Kajian ini merangkumi peranan institusi pondok yang telah melahirkan ramai golongan *ulama*.⁵⁸ Golongan ini menjadi pendokong ideologi Tuan Guru, dan kekal berjuang bersama PAS. Begitu juga dengan penggunaan kepelbagaian retorik politik Tuan Guru, dalam usaha beliau untuk menarik pengundi berpihak kepada PAS di Kelantan

1.6 Kajian Terdahulu

Banyak kajian tentang politik di Kelantan telah dilakukan oleh para pengkaji sejarah tanahair. Di antaranya ialah Abdul Rahman Ismail yang menulis tesis Ph. D. bertajuk, *Pembentukan Polisi Awam dan Perkembangan Politik di Kelantan: Satu Kajian Terhadap Persepsi UMNO dan PAS*.⁵⁹ Dalam kajian ini diterangkan bahawa pembaharuan yang dilaksanakan oleh Tuan Guru dalam bidang agama Islam, ekonomi, sosial dan politik, serta kedudukan kaum bukan Melayu telah meningkatkan sokongan rakyat terhadap beliau.

Manakala kajian akademik lain yang menyentuh tentang keutuhan kerajaan PAS di Kelantan, seperti tesis Ph. D. Mohd Dahari Othman yang bertajuk, *Communication and Charisma: A Case Study of Religious, Political and Social*

⁵⁸*Ibid*, hlm. 23.

⁵⁹Abdul Rahman Ismail, 1990. *Pembentukan Polisi Awam dan Perkembangan Politik di Kelantan: Satu Kajian Terhadap Persepsi UMNO dan PAS*, tesis Ph. D., Universiti Malaya.

*Forces in a Malay Village.*⁶⁰ Kajian ini menjelaskan bahawa, ahli PAS di Kelantan lebih mempercayai maklumat yang disampaikan oleh pemimpin mereka sendiri berbanding dengan sumber-sumber lain yang dianggapnya sebagai propaganda Kerajaan Pusat. Selain itu mengikut kajian ini juga, ahli PAS di Kelantan mempunyai tahap kesetiaan yang tinggi terhadap pemimpin mereka. Hal yang demikian menyebabkan gelombang kebencian yang cuba diwujudkan oleh pihak tertentu terhadap pemimpin PAS Kelantan berakhir dengan kegagalan.

Tesis Ph. D. oleh Abdullah Alghanim yang bertajuk, *Religious Movement and Economic and Social Development: Islamic Government Experience in Kelantan State, Malaysia.*⁶¹ Tesis ini merumuskan, melalui beberapa petunjuk sosio-ekonomi, termasuk kualiti kehidupan rakyat dan dasar Islam yang diamalkan oleh kerajaan PAS Kelantan sebenarnya tidak menghalang aktiviti pembangunan, malah kerajaan PAS Kelantan didapati berjaya mengurus tadbir ekonomi dengan baik. Ini termasuklah kejayaannya meningkatkan hasil pembalakan, pertambahan jumlah kemasukan pelancong, dan dapat membayar balik sebahagian besar hutang kepada Kerajaan Persekutuan.

Satu lagi kajian Ph. D. oleh Mohammad Agus Yusoff bertajuk, *Federalism in Malaysia: A Study of The Politics of Centre – State Relations.*⁶² Mohammad Agus

⁶⁰Mohd Dahari Othman, 1990. *Communication and Charisma: A Case Study of Religious, Political and Social Forces in a Malay Village*, tesis Ph. D., Universiti Of Iowa.

⁶¹Abdullah Alghanim, 2002. *Religious Movement and Economic and Social Development: Islamic Government Experience in Kelantan State, Malaysia*, tesis Ph. D., Northern Illinois University.

⁶²Mohammad Agus Yusoff, 1998. *Federalism in Malaysia: A Study of the Politics of Centre – State Relations*, tesis Ph. D., University of Manchester.

mendapati keengganan Kerajaan Pusat melaksanakan tanggungjawabnya di Kelantan telah menambahkan lagi kadar kebencian rakyat negeri ini terhadap Barisan Nasional. Kajian tentang strategi PAS melalui tesis Ph. D. Zamry Abdul Kadir pula bertajuk, *PAS: Legitimization of Islam As a Political Strategy*,⁶³ secara khususnya cuba mencari pendekatan PAS menggunakan Islam sebagai produk untuk membentuk sebuah negara di bawah pentadbirannya.

Namun begitu terdapat juga beberapa kajian akademik yang lain berkenaan dengan strategi PAS selepas tahun 1980-an telah dilakukan. Kebanyakan kajian tertumpu kepada peranan kepimpinan *ulama*. Selepas tahun 1982 perbincangan tertumpu pula bagaimana PAS memanfaatkan kepimpinan *ulama* sebagai satu strategi asas untuk mendekati rakyat, dan menarik sokongan masyarakat dalam usaha menegakkan negara Islam. Kajian ini ditulis oleh Muhyidin bin Aziz bertajuk *Kepimpinan Ulama Dalam PAS: Satu Analisis*,⁶⁴ Nik Wan Norsalawati binti Wan Hamat bertajuk *Kepimpinan Ulama: Sejauhmana Perlaksanaannya Dalam Kerajaan PAS di Kelantan*⁶⁵ dan tulisan Hasmut bin Ali pula bertajuk *Pimpinan Ulama Dalam PAS: Satu Penilaian*.⁶⁶

⁶³Zamry Abdul Kadir, 1995. "*Religion and Politics: The Search for Political Legitimacy of the Pan Islamic Party of Malaysia*," tesis Ph. D., Department of Islamic Study, University of Temple.

⁶⁴Muhyidin Aziz, 1996. *Kepimpinan Ulama Dalam PAS: Satu Analisis*, Latihan Ilmiah, Jabatan Siasah Syar' iyyah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁶⁵Nik Wan Norsalawati Bt.Wan Hamat, 1996/1997. *Kepimpinan Ulama: Sejauhmana Perlaksanaannya Dalam Kerajaan PAS di Kelantan*, Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

⁶⁶Hasmut Ali, 1987. *Kepimpinan Ulama Dalam PAS: Satu Penilaian Kelantan*, Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya.

Manakala kajian yang telah dihasilkan oleh Alias Muhammad bertajuk *Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan*,⁶⁷ menerangkan sejarah politik Kelantan bermula dengan pemerintahan raja-raja berketurunan Jembal, serta pergolakan parti politik selepas merdeka (1957), sehinggalah kemenangan Barisan Nasional di Kelantan dalam Pilihan Raya Umum 1974. Alias Mohamed pula menulis buku bertajuk, *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*,⁶⁸ menjelaskan peranan *ulama* dalam pentadbiran kerajaan negeri, dan terdapatnya usaha-usaha untuk memperkembangkan dakwah Islamiah ke negeri-negeri lain di rantau ini. Beliau menyentuh beberapa orang *ulama* besar seperti Hj. Muhammad Yusuf bin Muhamad atau lebih dikenali sebagai Tok Kenali (1870 - 1933).

Dalam usaha pengkaji untuk menyiapkan tesis ini, beberapa buku popular juga menjadi rujukan, seperti buku yang ditulis oleh Riduan Mohamad Nor dan Mohd Fadli Ghani bertajuk *Ulama Dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*,⁶⁹ Anual Bakhri bin Haron⁷⁰ Setiuasaha Politik Menteri Besar Kelantan (berkhidmat sehingga tahun 2010) bertajuk *Off-Road Nik Abdul Aziz Nik Mat*,⁷¹ *Ucapan Rasmi II*

⁶⁷Alias Muhammad, 1975, *Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) BHD.

⁶⁸Alias Mohamed, 1984. *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*, Kuala Lumpur: Insular Publishing House.

⁶⁹Riduan Mohamad Nor dan Mohd Fadli Ghani, 2007. *Ulama Dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*, Selangor: Hs Massyi Priting SDN. BHD.

⁷⁰Wawancara Anual Bakhri bin Haron, 4 Mei 2006. Jam 10.00 pagi, Setiausaha Menteri Besar Kelantan, Pejabat Menteri Besar Kelantan, Kota Bharu: Kota Darulnaim.

⁷¹Anual Bakhri bin Haron, 2006. *Off-Road Nik Abdul Aziz Nik Mat*, Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Menteri Besar Kelantan,⁷² *Pendirian Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*.⁷³ Penulisan buku ini bertujuan untuk memberikan penjelasan, serta menyampaikan maklumat mengenai beberapa isu yang sengaja dipolitikkan.

Selain kajian akademik, perlu juga diberi perhatian terhadap beberapa karya popular yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis kontemporari seperti Yahya Ismail, *Krisis Politik Kelantan*;⁷⁴ Prof. Dr. Zulkifli Muhammad, *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*;⁷⁵ Razak Mahmud, *Iktisas Sejarah Kelantan*;⁷⁶ Jamal Mohd Lokman Sulaiman, *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz*;⁷⁷ A.M. Noor, *Tokoh-Tokoh Ulamak Kelantan*;⁷⁸ Lutfi Ismail, *Serambi Mekah di Bawah Pimpinan Ulamak Jilid 1, 2, 3*;⁷⁹ Halim Mahmood, *Asri Dalam Dilema*;⁸⁰ Hj. Hassan Hj. Hamzah, *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen dan Dewan Undangan Negeri 1959-1999*;⁸¹ Ustaz Abdul Basir Alias, *Ancaman Nasionalis*

⁷²Anual Bakhri bin Haron, 2004. *Koleksi Ucapan Rasmi II*, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn.Bhd.

⁷³Anual Bakhri bin Haron, 2005. *Pendirian Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.

⁷⁴Abdul Halim, 1987. *Krisis Politik Kelantan*, Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.

⁷⁵Prof. Dr. Zulkifli Muhammad, 1999. *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, Selangor: Pusat Penyelidikan PAS Angkatan Edaran Ent. Sdn. Bhd.

⁷⁶Abdul Razak Mahmud, 2005. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

⁷⁷Jamal Mohd Lokman Sulaiman, 1999. *Biografi Tuan Guru Dato'Haji Nik Abdul Aziz*, Selangor: Sulfa Human Resources & Development, Selangor.

⁷⁸Alias Haji Mohd Noor, 2000. *Tokoh-Tokoh Ulamak Kelantan Darul Naim*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, Kelantan.

⁷⁹Lutfi Ismail, 1991. *Serambi Mekah Di bawah Pimpinan Ulamak*, Kota Bharu: Walijah Publication, Kelantan.

⁸⁰Halim Mahmood, 1983. *Asri Dalam Dilema*, Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.

⁸¹Hj. Hassan Hj. Hamzah, *op. cit.*, hlm 45.

*Sekular Ekstrim Di Malaysia;*⁸² Manakala buku-buku yang diterbitkan oleh Pusat Kajian Strategik PAS Kelantan seperti *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam: Kelantan Di bawah Pimpinan Ulama,*⁸³ *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990,*⁸⁴ *Dasar Kerajaan Negeri Kelantan: Membangun Besama Islam Perundangan dan Kehakiman Jilid I,*⁸⁵ *Dasar Kerajaan Negeri Kelantan: Pembangunan Sumber Manusia, Dasar Pendidikan dan Dasar Pertanian Jilid II.*⁸⁶ *Dasar Kerajaan Negeri Kelantan: Dasar Wanita, Dasar Belia, Dasar Perlancongan, Dasar Pencegahan Gejala Sosial Jilid III,*⁸⁷ dan *Dasar Kerajaan Negeri Kelantan: Dasar Kebudayaan Dan Kesenian Enekman Kawalan Hiburan Jilid IV.*⁸⁸

Melalui kajian ini dapatlah disimpulkan bahawa, Tuan Guru merupakan seorang ulama, ahli politik serta pentadbir yang sukar untuk ditandingi. Kajian ini juga merupakan kajian yang boleh dipertanggungjawabkan berdasarkan sumber-sumber dan bukti-bukti yang benar serta metodologi yang bersifat ilmiah.

⁸²Abdul Basir Alias, 2002. *Ancaman Nasionalis Sekular Ekstrim Di Malaysia*, Selangor: As-Syabab Media.

⁸³Dinsman, 2000. *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam: Kelantan Di bawah Pimpinan Ulama*, Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik PAS, Kelantan.

⁸⁴Hj. Mohd Amin Yaakub, 2001. *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990*, Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik PAS, Kelantan.

⁸⁵Pusat Kajian Strategik PAS, 2005. *Dasar Kerajaan Negeri Kelantan Membangun Bersama Islam Perundangan dan Kehakiman Jilid I*, Kota Bharu: Pustarek Enterprise, Kelantan.

⁸⁶Pusat Kajian Strategik PAS, 2005. *Dasar Kerajaan Negeri Kelantan Pembangunan Sumber Manusia Dasar Pendidikan dan Dasar Pertanian Jilid II*, Kota Bharu: Pustarek Enterprise, Kelantan.

⁸⁷Pusat Kajian Strategik PAS, 2005. *Dasar Kerajaan Negeri Kelantan Dasar Wanita, Dasar Belia, Dasar Perlancongan, Dasar Pencegahan Gejala Sosial Jilid III*, Kota Bharu: Pustarek Enterprise, Kelantan.

⁸⁸Pusat Kajian Strategik PAS, 2005. *Dasar Kerajaan Negeri Kelantan Dasar Kebudayaan Dan Kesenian Enakmen Kawalan Hiburan Jilid VI*, Kota Bharu: Pustarek Enterprise, Kelantan.

BAB 2

KERAJAAN JEMBAL DAN TUAN GURU DATO' HJ. NIK ABDUL AZIZ

Sebuah kerajaan tradisional di Kelantan yang dapat dihubungkan dengan Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz ialah Kerajaan Jembal. Kerajaan ini dikenali dengan nama "Tanah Serendah Sekebun Bunga Cherang Tenggayong"¹ atau "Kisaran Payung."² Kemasyhuran Kerajaan Jembal terserlah apabila diperintah oleh dua orang ratu iaitu Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong pada abad yang ke-17.³

2.1 Kerajaan Jembal

Sepanjang abad ke-15, Kelantan dikatakan lebih masyhur⁴ dan lebih kuat daripada Kerajaan Patani.⁵ Kemasyhuran itu menyebabkan Sultan Mahmud, Sultan Melaka yang memerintah dari tahun 1488-1511M, memerintahkan supaya Kelantan ditakluki.⁶ Sultan Kelantan pada ketika itu Sultan Mansur Syah telah berundur ke Patani.⁷ Hubungan baik di antara Kerajaan Kelantan dengan Melaka berlaku apabila

¹Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd Rahman, 1987. *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah Di Malaysia*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar, hlm. 39.

²Nik Mahmud bin Nik Ismail, 1933. *Ringkasan Cetera Kelantan*, Kelantan: Al-Asasih Press Coy, hlm. 10.

³Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, 1985. *Warisan Kelantan IV*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Kelantan Istana Jahar, hlm. 24.

⁴Shellabear, 1974. *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 197-198.

⁵Abdul Razak Mahmud, 2005. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., hlm. 12. Apabila Datu Abdul Kadir mangkat (Raja Pattani) pada tahun 1632, Raja Abdullah (bapa saudara baginda) telah merampas kuasa daripada putera Datu Abdul Kadir yang sepatutnya menjadi Raja Patani. Baginda kemudiannya membebaskan Kelantan daripada cengkaman Kerajaan Patani.

⁶Alias Muhammad, 1975, *Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) BHD, hlm. 3.

⁷Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd.Rahman, *op.cit.*, hlm. 21.

Sultan Mahmud telah memperisterikan Puteri Sultan Kelantan yang bernama Onang Kening.⁸ Baginda Sultan Mansur Syah kembali semula memerintah Kelantan setelah menerima naungan daripada Kerajaan Melaka.

Pada tahun 1511M, Melaka telah dikalahkan oleh Portugis.⁹ Sultan Mahmud terpaksa meninggalkan Melaka, dan melarikan diri ke Johor. Putera baginda, Sultan Alauddin Riayat Syah telah menubuhkan Kerajaan Johor-Riau pada tahun 1528.¹⁰ Hubungan baik Kerajaan Kelantan, dan Johor-Riau ini dapat disaksikan apabila Sultan Abdul Jalil Shah II, Sultan Johor-Riau waktu itu telah menghantar puteranya Sultan Hussein sebagai pemangku Raja Kelantan pada tahun 1580M.¹¹ Hal ini berlaku kerana Cik Siti Wan Kembang yang sepatutnya menjadi Raja Kelantan ketika itu, baru berusia empat tahun¹² semasa kemangkatan paduka ayahanda baginda, Sultan Ahmad. Pada tahun 1610 setelah genap usia empat belas tahun Cik Siti Wan Kembang ditabalkan menjadi Raja Kelantan.¹³ Semasa pemerintahan baginda ramai

⁸Winstedt, 1908. *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 159. Tiga orang puteri Sultan Mansur Shah telah dibawa ke Melaka, salah seorang bernama Onang Kening telah dijadikan isteri Sultan Mahmud. Penaklukan ke atas Kelantan ini berlaku pada tahun 1488.

⁹Alias Mohamed, 1984. *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*, Kuala Lumpur: Insular Publishing House, hlm. 11.

¹⁰*Wikipedia Ensiklopedia Indonesia*, Kesultanan Johor disebut juga sebagai empayar Johor-Riau atau Johor-Riau-Lingga. Kerajaan ini didirikan pada tahun 1528 oleh Sultan Alauddin Riayat Syah, putera sultan Melaka yang terakhir.

¹¹Rahmat Sariipan, 1979. *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., hlm. 6. Enam belas tahun kemudian Sultan Hussein mangkat, selepas kemangkatannya pengaruh Johor-Riau semakin berkurangan. Kelantan juga dikatakan mengalami zaman kegelapan. Persengketaan politik dalam negeri, ancaman Siam seperti yang digambarkan dalam mitos dan legenda yang terkandung dalam *Hikayat Seri Kelantan*.

¹²Cetera Kelantan, 1961. *Cenderamata Perayaan Kemahkotaan*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar, hlm.30.

¹³*Ibid*, hlm 31.

saudagar-saudagar daripada luar negeri datang berniaga di Kelantan. Nama Cik Siti Wan Kembang menjadi masyhur ke seluruh negeri dengan panggilan "Paduka Siti."¹⁴ Kedatangan orang-orang Arab juga menyebabkan agama Islam berkembang dengan cepat di Kelantan.¹⁵ Baginda Cik Siti Wan Kembang tidak pernah bersuami,¹⁶ walaupun pernah menerima pinangan putera raja dari negeri-negeri Melayu, baginda lebih senang hidup berseorangan. Keengganan untuk bersuami menyebabkan baginda Cik Siti Wan Kembang mengambil keputusan untuk berpindah ke suatu tempat yang bernama Cherang Tenggayong,¹⁷ dan kemudiannya tempat tersebut dinamakan "Tanah Serendah Sekebun Bunga."¹⁸ Pada masa pemerintahan Cik Siti Wan Kembang, di bahagian timur laut Kelantan terdapat sebuah lagi kerajaan yang masyhur iaitu Kerajaan Jembal di bawah pemerintahan Raja Sakti,¹⁹ yang berpusat di

¹⁴*Ibid.*. Pada masa kemangkatan ayahanda baginda Cik Siti Wan Kembang berumur empat tahun, Raja Hussein dari Johor dilantik menjadi pemangku raja Kelantan, berpusat di Gunung Cinta Wangsa Ulu Kelantan. Rakyat dari Gunung Ayam di daerah Jeli telah menghadiahkan seekor kijang kepada baginda. Baginda sangat menyayangi kijang tersebut sehingga diletakkan gambar kijang di atas wang mas negeri. Gambar kijang tersebut telah dijadikan sebagai lambang Kerajaan Kelantan.

¹⁵*Hikayat Patani*, 1839. (Dalam tulisan jawi disalin semula oleh Munshi Abdullah Abdul Kadir, Singapura). Kuala Lumpur: Salinan mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya. Agama Islam dikatakan telah disebarkan di Kelantan sebelum penaklukan Melaka ke atas Kelantan. Berdasarkan keterangan Batu Bersurat di Terengganu pengaruh Islam telah bertapak di timur laut satu abad lebih awal daripada Semenanjung Tanah Melayu.

¹⁶*Sinar Harian*, 9 Nov 2010. Hlm. 17. "Sejarah Kelantan Terlalu Menarik, Unik." Cik Siti Wang Kembang tidak pernah berkahwin kerana tiada lelaki yang berjaya menewaskannya dalam ilmu persilatan bagi membolehkan ia layak menjadi suami. Hampir 100 pendekar mencuba nasib untuk menewaskan baginda Cik Siti Wan Kembang tetapi gagal.

¹⁷Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman, *op.cit.*, hlm. 39.

¹⁸Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, 1985. *Warisan Kelantan IV*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. hlm. 23.

¹⁹Asal usul Raja Sakti masih diselaputi mitos kerana dikatakan berasal daripada anak buluh betung yang dijumpai oleh Raja Bersiong ketika berada di Kelantan. Baginda juga dikatakan telah mencipta kebesarannya tersendiri dan memainkan peranan sebagai pengasas "Dinasti Kelantan."

Kota Jembal.²⁰ Raja Sakti merupakan anak angkat Raja Bersiong dari Kedah yang lari membawa diri ke Kelantan. Raja Sakti berkahwin pula dengan Puteri Mani Kemenyan yang juga anak angkat Raja Bersiong. Baginda dikurniakan tujuh orang anak. Pada tahun 1649, apabila Raja Sakti mangkat lalu diganti oleh anakanda baginda, Raja Loyor. Raja Loyor mempunyai dua orang anak, namun begitu salah seorang daripada putera baginda mangkat ketika masih kecil dan seorang puteri bernama Puteri Saadong.²¹ Cik Siti Wan Kembang telah membuat hubungan baik dengan Kerajaan Jembal. Raja Loyor telah membenarkan Cik Siti Wan Kembang mengambil Puteri Saadong sebagai anak angkat. Kecantikan paras rupa Puteri Saadong sampai kepengetahuan Maharaja Siam. Maharaja Siam telah menghantar rombongan untuk meminang Puteri Saadong, akan tetapi pinangan tersebut telah ditolak. Puteri Saadong memilih sepupunya Raja Abdullah sebagai suami.²² Setelah berkahwin pemerintahan Puteri Saadong diserahkan kepada Raja Abdullah, berpusat di Kota Jelasin.²³

Penolakan pinangan tersebut telah menimbulkan kemarahan Maharaja Siam, dan dianggap sebagai suatu penghinaan. Kerajaan Siam telah menghantar satu angkatan perang untuk menyerang Kelantan. Namun begitu, bagi mengelakkan berlakunya pertumpahan darah, Puteri Saadong meminta keizinan daripada suaminya

²⁰Kedai Lalat jajahan Kota Bharu.

²¹Mohammad Noordin Awang, 1980. *Warisan Kelantan 1*, Kota Bharu: Muzium Negeri Kelantan, hlm.20.

²²Lihat *Berita Minggu*, 30 Julai 1972.

²³Kini dikenali sebagai Pasar Borong Wakaf Che Yeh, pusat perkembangan ekonomi yang utama di Kelantan dan dipanggil juga "Pasar Borong Moden Wakaf Che Yeh."

Raja Abdullah untuk dibawa ke Ayudhia, Siam.²⁴ Kebijakan dan kepintaran Puteri Saadong semasa di Ayudhia menyebabkan Maharaja Siam membebaskan Puteri Saadong pulang ke Kelantan. Apabila sampai di Kota Jembal didapati suaminya Raja Abdullah telahpun berkahwin lain. Maka berlakulah pertengkaran di antara Puteri Saadong dan Raja Abdullah. Puteri Saadong menikam Raja Abdullah dengan pemacak sanggulnya.²⁵

Setelah Raja Abdullah mangkat, pengganti baginda ialah Raja Abdul Rahim iaitu saudara Raja Abdullah. Raja Abdul Rahim memerintah dengan zalim.²⁶ Oleh kerana kezaliman itu, bapa saudara Puteri Saadong, Raja Omar telah bertindak membunuh Raja Abdul Rahim di tepi Tasik Lalayang Mandi. Selepas kemangkatan Raja Abdul Rahim,²⁷ pentabdiran Kelantan diteruskan pula oleh keturunan Sultan Omar, bermula pada tahun 1675 M.²⁸ Semasa pemerintahan Sultan Omar, Kerajaan Jembal kembali masyhur dengan pembukaan kawasan padi yang luas dinamakan Padang Jembal (daerah Kota Bharu). Baginda dikurniakan lima orang anak iaitu 2 orang puteri, Raja Pah, Raja Nah dan tiga orang putera, Raja Sakti III, Raja Ngah dan

²⁴Alias Mohammad, *op.cit.*, hlm. 5.

²⁵Rahmat Saripan, *op.cit.*, hlm. 7. Raja Abdullah berkahwin lain sewaktu Puteri Saadong menjadi orang tawanan Siam.

²⁶Mohammad Noordin Awang, *op.cit.*, hlm 32.

²⁷Tidak banyak bahan bukti yang dapat ditonjolkan di zaman awal perkembangan politik tradisional Kelantan. Tidak ada tulisan yang jelas mengenainya, hanya cerita-cerita lisan yang disampaikan dari mulut-ke mulut yang penuh dengan mitos dan legenda. Kesan-kesan bahan binaan seperti pinggang mangkuk lama di Bukit Marak, tapak istana di Kampong Kota (Kota Jelasin) serta barang artifak yang terdapat di muzium Istana Jahar Kota Bharu masih wujud.

²⁸Lihat Lampiran salasilah Keturunan Kerabat Raja Jembal Kelantan seperti yang telah dilampirkan dalam lampiran II. Sultan Omar ialah adik Raja Loyor, bapa saudara Puteri Saadong.

Raja Kecil Sulong.²⁹ Pada tahun 1686, tiga orang anak Datuk Pengkalan Tua, Raja dari Patani telah datang mengadap Sultan Omar. Mereka ialah Tuan Sulong (Long Sulong), Tuan Senik (Long Senik) dan Tuan Besar (Long Bahar). Setelah beberapa lama berada di Kelantan, Tuan Besar (Long Bahar) dikahwinkan dengan anakanda Sultan Omar, Raja Pah.³⁰ Apabila Sultan Omar mangkat dan dengan persetujuan para kerabat serta pembesar negeri, Raja Kecil Sulong telah ditabalkan menjadi raja yang berpusat di Kota Teras³¹ pada tahun 1721 M. Namun begitu Raja Kecil mangkat pada 1725 M dalam usia muda. Sebelum jenazah almarhum dimakamkan Raja Pah telah mempengaruhi kaum kerabat dan pembesar istana untuk menabalkan suaminya Tuan besar atau Long Bahar³² sebagai Raja Kelantan 1725M³³ dengan alasan putera Raja Kecil Sulong yang bernama Raja Abdul Rahman masih kecil. Dengan pertabalan Long Bahar suami kepada Raja Pah menyebabkan Raja Abdul Rahman dan salasilah keturunan Jembal tidak lagi mewarisi takhta Kerajaan Kelantan.³⁴ Bermula dengan itu Kelantan dikatakan telah menjadi Dinasti kerajaan Patani.

²⁹Majlis Hari Raya Kerabat Diraja Jembal, 2002. Kota Bharu: Persatuan Kerabat Jembal Kelantan (PKRJ).

³⁰Lihat Lampiran II, hlm. 232.

³¹Sekarang dikenali dengan nama Kampung Teras.

³²Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, 1988. *Salasilah Pakeh Ali Kelantan: Satu Tinjauan*, Warisan Kelantan VII, Kota Bharu : Muzium Kelantan. Long Bahar bukanlah anak Raja Patani yang sebenarnya, beliau adalah cucu Andek atau Pakeh Ali, seorang yang berketurunan Bugis yang berhijrah ke Patani sekitar abad ke 16 menuju ke Malabar, India Selatan dan dikenali juga sebagai Pakeh Ali Malbari, yang kemudiannya berhijrah ke Johor dan Patani tahun 1637 dan ke Kelantan.

³³Lihat Jadual 2, hlm. 40.

³⁴Lihat Jadual 1, hlm. 39